

Pesawah guna baja, racun ciptaan sendiri

BUKIT MERTAJAM: Seorang pesawah menggunakan kreativiti sendiri mencipta racun dan baja mesra alam menggantikan racun kimia bagi mengawal serangga dan ulat di kawasan sawah padi.

Mohamad Embi, 58, yang mengusahakan sawah seluas lebih satu hektar di Tanjung Putus, Permatang Pasir, menggunakan bahan dan tumbuhan yang boleh diperolehi sekitar rumah bagi menghasilkan racun dan baja berkenaan.

Antara bahan yang digunakan untuk membuat racun serangga ialah bawang putih, daun semambu, cili padi, serai wangi dan akar seruntun manakala baja dibuat daripada tulang lembu yang dikisar dan perut ikan.

Selain mesra alam dan menjimatkan, racun berkenaan juga tidak memberi kesan jika terkena kulit berbanding racun kimia yang boleh menyebabkan kulit gatal. Mohamad yang bersara sebagai pegawai kewangan di sebuah syarikat swasta 10 tahun lalu. Berkata dia mencipta racun dan baja sendiri pada 2002 hasil galakan Jabatan Pertanian.

"Saya sudah membuat percubaan dengan menggunakan racun dan baja buatan sendiri selama dua musim. Memang nampak berkesan dari segi pengawalan serangga dan ulat yang sering menyerang anak padi. Racun dan baja buatan sendiri bersifat mesra alam selain murah kerana bahannya boleh diperolehi sekitar rumah," katanya kepada Metroplus.

Menurut Mohamad, sawahnya seluas satu hektar menghasilkan lebih tujuh metrik tan padi sejak menggunakan racun dan baja buatan sendiri berbanding antara lima hingga enam metrik tan sebelum ini.

"Idea menggunakan baja mesra alam hasil galakan Jabatan Pertanian yang meninjau penanaman padi di Korea dan Indonesia yang menekankan aspek semula jadi termasuk penggunaan racun dan baja mesra alam".

Mungkin ada pesawah tidak percaya apabila melihat bahan digunakan untuk membuat racun tetapi yang nyata ia berkesan, jimat dan selamat pada manusia," katanya.